



**UCAPAN PRESIDEN MSIA 2019/2021 SEMPENA  
MESYUARAT AGONG KE-16**  
bertarikh 28 Ogos 2021

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Y.Bhg Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-Dr, tuan-tuan, puan-puan Ahli Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia. Dengan penuh sukacitanya saya Presiden Pertubuhan MSIA ingin mengalu-alukan kehadiran semua secara virtual ke mesyuarat agung pertubuhan kali ke-16. Mesyuarat agung ini menunjukkan bahawa tempoh perkhidmatan barisan Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan MSIA sesi 2019/2021 akan berakhir dan satu pemilihan baharu akan dibuat hari ini untuk Jawatankuasa Eksekutif 2021/2023. Dengan rasa syukur dan rendah diri, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli pertubuhan yang dapat bersama-sama kita menjayakan AGM dan pemilihan hari ini.

Ucapan  
terima kasih  
kepada  
hadirin

Melihat kepada pencapaian kita sejak dua tahun kebelakang, pada tahun yang pertama sesi ini, saya dan ahli-ahli exco masih dapat bergerak menjalankan aktiviti secara fizikal. Sebelum pandemik, MSIA sempat menjalankan satu sesi latihan di Bangi pada Disember 2019 dan satu lagi sesi dua hari di TTDI KL pada September 2020 (dalam suasana pandemik terkawal). Malangnya sejak Oktober 2020, kita hanya dapat menjalankan aktiviti secara atas talian.

Pencapaian  
22019/2021

Walaupun dengan keadaan kawalan pergerakan, kita telah dapat menyesuaikan diri menjayakan program-program percambahan fikiran, perkongsian pengalaman dan peningkatan kesedaran tentang kepentingan SIA melalui Sembang Pagi Sabtu (SPS) dan Hard Talk SIA yang telah julungkali diperkenalkan dan ditawarkan secara percuma bermula April 2020. Program-program ini telah disambut baik oleh orang awam dan ahli-ahli MSIA. Sehingga kini, tujuh siri SPS dan lima siri HT telah dianjurkan oleh MSIA. Satu lagi kursus latihan telah dirancang pada 24-25 Mei 2021 secara fizikal, namun terpaksa ditangguhkan akibat peningkatan kes-kes positif covid19 di Lembah Kelang dan arahan kerajaan untuk menangguhkan sebarang aktiviti bersemuka. Ramai sudah membayar untuk menghadiri kursus ini dan kita akan pindahkan tanggungjawab ini kepada barisan jawatankuasa baharu selepas Mesyuarat Agung kita hari ini.

Dalam tempoh jawatankuasa ini, banyak lawatan kunjungan mesra untuk menjalin hubungan akrab dengan PLANMalaysia pusat, negeri dan agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar telah juga dilangsungkan. Malah, MSIA telah dibawa berunding bersama dengan MIP oleh PLANMalaysia dalam menyediakan modul-modul latihan yang dijangka akan dikendalikan oleh PLANMalaysia apabila pandemik ini berjaya diatasi.

Hubungan  
MSIA dengan  
jabatan dan  
agensi

Semua program yang telah kita jayakan ini adalah selaras dengan tujuan MSIA iaitu untuk menjaga kesejahteraan komuniti. Ianya juga seiring dengan misi kita iaitu untuk memperkasakan praktis penilaian impak sosial dalam pembuatan dasar, program dan projek di negara kita. MSIA percaya bahawa hanya dengan kesedaran tentang kepentingan SIA yang lebih baik di kalangan orang awam dan pengetahuan yang lebih mendalam tentang seni dan sains penyediaan SIA di kalangan perunding dan pembuat keputusan, barulah Penilaian Impak Sosial ini akan mendapat penerimaan dan pengiktirafan yang sewajarnya.

Tujuan dan misi MSIA

Selaras dengan aspirasi untuk memperkasakan pertubuhan ini, sepanjang dua tahun ini, kita telah memperkukuhkan bilangan ahli pertubuhan dengan memproses permohonan yang diterima dan meluluskan mereka yang layak. Namun begitu, saya ingin tekankan sekali lagi bahawa kekuatan sebuah pertubuhan bukan terletak kepada bilangan ahli semata-mata, sebaliknya adalah di atas bilangan ahli yang aktif dan berkualiti. *Dari telaga yang jernih, tidak akan mengalir air yang keruh*, dari sifat yang mulia tidak akan lahir budi bahasa yang kasar, dari pertubuhan yang baik tidak akan ada ahli-ahli yang tidak berkualiti.

Sasaran penambahan ahli dan penekanan kualiti ahli

Peranan ahli-ahli pertubuhan yang luas dalam pelbagai bidang SIA termasuk kajian-kajian SIA untuk projek-projek pembangunan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa juga memerlukan kemahiran ahli dipertingkatkan. PLANMalaysia telah mengiktiraf peranan MSIA sebagai satu pertubuhan profesional yang boleh seganding dengan badan-badan profesional yang lain dalam menyumbang kepada proses perancangan impak sosial di negara kita. Untuk itu, MSIA dan ahli-ahlinya hendaklah pada setiap masa memastikan tiada kompromi dalam aspek kualiti perkhidmatan.

Sasaran MSIA sebagai pertubuhan profesional dan titik rujukan dasar

MSIA kini bagaimanapun hanya memiliki 22 orang ahli profesional iaitu hanya kira-kira 14% dari keseluruhan ahli kita yang aktif. Dan terdapat juga beberapa permohonan yang terpaksa di KIV kerana banyak aspek pertimbangan baharu yang perlu diambilkira untuk menentukan kelayakan dan kewajaran pemilihan. Kami memandang peri pentingnya menambah ahli profesional pertubuhan ini. Kami mensasarkan sekurang-kurangnya 30 ke 40 peratus dari ahli kita seharusnya merupakan ahli profesional yang kompeten dalam jangka masa 2 tahun akan datang supaya kita mampu mengangkat nama baik profesion Perunding Impak Sosial dan memacu profesionalisme perunding SIA. Kita juga mahu MSIA terus menjadi titik rujukan penting pembuatan dasar dan strategi, dan satu pertubuhan yang disegani sebagai peneraju profesionalisme SIA di negara ini.

Sasaran ahli profesional dan kompetensi dan MSIA sebagai titik rujukan

Bagi ahli-ahli baru MSIA, dua tahun pertama sebagai ahli biasa perlu dipenuhi dengan usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan supaya setelah layak memohon menjadi ahli profesional, anda telahpun dilengkapi dengan kemahiran terkini. Bagi ahli biasa yang telah melebihi 2 tahun

Sasaran kepada ahli baharu

menjadi ahli dan telahpun mempunyai pengalaman dan kemahiran terkini, anda digalakkan untuk meningkatkan tahap keahlian anda menjadi ahli profesional. Anda harus menunjukkan penglibatan aktif sebagai perunding dalam sebilangan projek SIA selain telah menghadiri keperluan latihan terkini untuk menempatkan diri dalam kalangan perunding yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten, tepat dengan keperluan dan perkembangan terkini.

**Y.Bhg Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-dr, tuan-tuan dan puan-puan,**

Beberapa usul pindaan perlembagaan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat agung tahun lalu juga akan kita muktamadkan pada kali ini. Antara lain ialah pindaan kepada logo pertubuhan dan beberapa perkara berkaitan pentadbiran kewangan. Tuan-puan juga perlu mengundi untuk menerima atau menolak pindaan ini.

Usul-usul pindaan perlembagaan

Bagi menjayakan sasaran kualiti profesionalisme, kita mendapati perlunya satu pasukan khusus yang boleh meneliti kriteria-kriteria dan aspek-aspek pertimbangan dalam menentukan kelayakan ahli profesional. Perkara ini pernah dibincangkan dalam mesyuarat agong yang lalu dan pandangan tuan-tuan diambilkira. Namun setelah beberapa siri percambahan fikiran di kalangan jawatankuasa eksekutif, kami mendapati sasaran mencapai lebih ramai ahli professional ini perlu diteliti, oleh itu satu pasukan kerja khusus dicadangkan untuk memperincikannya sebelum ia dibentangkan dalam mesyuarat agong yang akan datang. Pasukan kerja ini juga perlu meneliti aspek etika ahli MSIA dan melaksanakan program libat urus di kalangan ahli sebelum perkara ini dapat dimuktamadkan. Selaras dengan kepentingannya, saya berpandangan ianya perlulah dilakukan sesegera mungkin dan ahli-ahli yang berminat untuk berkhidmat dalam pasukan kerja ini bolehlah menawarkan diri kepada MSIA.

Penubuhan pasukan kerja keahlian

Selepas ucapan ini, saya akan membentangkan Laporan Tahunan MSIA 2019/2021 dan di akhir pembentangan itu, ahli jawatankuasa eksekutif semasa akan dibubarkan. Untuk itu, saya mengambil peluang ini untuk sekali lagi merakamkan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama MSIA dalam memperkukuhkan kedudukan perunding SIA terutamanya PLANMalaysia Persekutuan dan Negeri, Jabatan Alam Sekitar, dan semua agensi berkaitan penilaian impak sosial.

Ucapan terima kasih kepada jabatan dan agensi

Sekalung penghargaan kepada barisan Exco MSIA 2019/2021 di atas kerjasama erat, sumbangan idea dan komitmen di dalam aktiviti-aktiviti MSIA. Terima kasih saya juga kepada beberapa ahli yang telah turut serta dalam Jawatankuasa-jawatankuasa MSIA. Setinggi-tinggi penghargaan

Ucapan terima kasih kepada barisan exco sedia ada

juga saya lafazkan kepada ahli-ahli yang telah mewakili MSIA sebagai panel penilai laporan SIA 1, 2 dan 3.

Saya juga ingin meminta maaf kepada semua ahli bagi pihak diri saya dan ahli-ahli Exco jika sepanjang 2 tahun ini, kami ada melakukan kesilapan atau secara tidak sengaja telah membelakangkan kepentingan-kepentingan ahli semasa pembuatan keputusan. Semoga ahli jawatankuasa eksekutif yang baharu akan meneruskan tugas-tugas yang telah kami mulakan sehingga jaya, dan semoga kerjasama dan komitmen Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan akan dibalas dengan kejayaan profesion ini pada masa hadapan.

Harapan  
kepada Exco  
Baharu  
Menyambung  
Tugas

Dengan izin Allah Azawajalla, pencipta seluruh alam, saya mengakhiri ucapan aluan saya untuk Mesyuarat Agung kali ke-16, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia pada hari ini dan saya mengucapkan selamat maju jaya di dalam proses pemilihan jawatankuasa eksekutif MSIA yang baharu selepas pembentangan Laporan sebentar nanti. Semoga Allah bersama kita semua.

Akhir ucapan

Assalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.

**TPr Herlina bt Ab. Aziz**  
**Presiden MSIA 2019/2021**